



PUSAT PEMBENTUKAN PENDIDIKAN LANJUTAN & PROFESIONAL • CENTER FOR SHAPING ADVANCED AND PROFESSIONAL EDUCATION

Rujukan : UKM.KPD. BPA.600-6/2/2
Tarikh : 28 Mei 2024

Semua Pelajar Berdaftar
Program Prasiswazah
Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat

Saudara/i,

**PENGEDARAN KAD MASUK DAN JADUAL PEPERIKSAAN (KMJP)
SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2023-2024**


Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk. Dimaklumkan bahawa Peperiksaan Akhir Semester 2 Sesi Akademik 2023-2024 bagi Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat (FTSM) akan diadakan pada **1 Julai hingga 21 Julai 2024**.

1. Sehubungan itu, Kad Masuk dan Jadual Peperiksaan (KMJP) boleh dicetak melalui sistem SMPE mulai **4 Jun 2024 hingga 21 Julai 2024**. **Saudara/i diingatkan bahawa KMJP hendaklah dibawa bersama semasa menduduki peperiksaan. Pelajar yang gagal menunjukkan KMJP tidak akan dibenarkan untuk menduduki peperiksaan.**
2. Pelajar yang masih mempunyai yuran tertunggak dikehendaki menyelesaikan yuran pengajian sebelum peperiksaan akhir semester ini. Sila hubungi Bahagian Kewangan UKMShape untuk maklumat lanjut mengenai status yuran pengajian saudara/i.
3. Saudara/i juga diingatkan agar mematuhi peraturan peperiksaan termasuk etika berpakaian yang dibenarkan di dalam kampus di sepanjang tempoh peperiksaan. Sebarang bentuk nota (**digital/fizikal**) KECUALI dengan kebenaran pensyarah dan **telefon bimbit adalah DILARANG** untuk dibawa ke dalam dewan peperiksaan. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya saudara/i melanggar peraturan peperiksaan.

Sekian, untuk perhatian dan tindakan saudara/i, terima kasih.

Yang benar,


MUHAMMAD HANIQ MD YAZID
Unit Peperiksaan dan Pengijazahan



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 3376/4078/3769 Faksimili: +603-8925 1391 E-mel: upppkp@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/ukmshape